**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 14 JULAI 2018 (SABTU)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Sinar Harian** | |
| - Rekahan daripada ubah suai rumah | 22 |
| - Penduduk pangsapuri resah | 22 |
| **Chinapress** | |
| - Aliran bawah tanah disyaki menjejaskan tanah | C3 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>14 JULAI 2018 (SABTU) | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Rekahan daripada ubah suai rumah |
| Muka Surat | 22 |

# Rekahan daripada ubah suai rumah

SH 14/7/18 M/S 22.



Mendapan yang berlaku di bahagian belakang rumah.

AMPANG – Jabatan Bangunan dan Senibina Majlis Perbandaran Ampang (MPAJ) telah melakukan semakan terhadap aduan 44 keluarga di sebuah taman perumahan di Taman Muda, di sini, bimbang dengan keadaan kediaman mereka yang kian retak sejak 29 tahun lalu.

Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Norhayati Ahmad berkata, hasil semakan jabatan berkenaan mendapati terdapat mendapan tanah di bahagian lorong belakang deretan rumah berhampiran *monsoon drain.*

"Kita juga mendapati kebanyakan deretan rumah itu juga telah membuat ubah suai di bahagian belakang dipercayai turut menjadi punca mendapan tersebut.

"Semakan di dalam rumah pula mendapati tiada rekahan tetapi terdapat rekahan daripada ubah suai rumah. Kita akan membuat semakan lanjut dan mengambil tindakan sewajarnya," katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan aduan penduduk di kawasan itu yang mendakwa berlaku keretakan di beberapa bahagian termasuk kawasan parkir dan dapur selepas dua tahun mendiami rumah itu pada 1989 sehingga ke hari ini dan ia bertambah teruk.

Pengerusi Persatuan Penduduk, Yong Voon Sing mendakwa sistem saliran di bahagian belakang kediaman mereka telah pecah dan keadaan tanah pula sudah mendap dan tidak stabil.

Adun Teratai, Brian Lai Wai Chong memaklumkan persatuan penduduk taman perumahan berkenaan perlu menghantar senarai rumah yang mengalami keretakan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>14 JULAI 2018 (SABTU)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Penduduk pangsapuri resah |
| Muka Surat | 22 |

# Penduduk pangsapuri resah

SH m/s 22 14/7/18.

*Kebanjiran warga asing ganggu ketenteraman*

AHMAD ISMADI ISMAIL

AMPANG

Kebanjiran warga asing di sebuah pangsapuri, di sini, menimbulkan kebimbangan penduduk di kediaman berkenaan.

Penduduk mendakwa sikap tidak bertanggungjawab segelintir warga asing yang suka membuang sampah dan berkumpul beramai-ramai menyebabkan penghuni lain berasa terganggu.

Seorang penduduk yang enggan dikenali berkata, kebanjiran warga asing itu bermula sejak 2016.

"Saya mendapati hampir 70 peratus daripada penghuni di pangsapuri ini dihuni warga asing dari Myanmar, Nepal, Bangladesh dan Filipina," katanya.

Malah dakwanya, ada warga tempatan yang sanggup menjadi orang tengah untuk mencari penyewa rumah dalam kalangan warga asing.

"Mereka mahu mengaut keuntungan atas angin, seunit rumah boleh diduduki sehingga 20 warga asing, mereka juga dipercayai turut mengubah suai rumah dengan meletakkan papan untuk dijadikan bilik," katanya.

Apa yang lebih membimbangkan ujarnya, masalah jenayah seperti kecurian turut berlaku di kawasan kediaman itu.

"Malah ada segelintir daripada warga asing ini turut melakukan aktiviti tidak senonoh di kawasan tangga dengan wanita warga asing yang menawarkan khidmat seks di sini," katanya.

"Kita juga menerima aduan ada kes meraba-raba dan tunjuk kemaluan, kita hanya mampu beri amaran sahaja kepada warga asing berkenaan," tambahnya lagi.

Selain memonopoli lot kedai di bahagian bawah pangsapuri, penduduk turut mengadu tentang keselamatan mereka apabila warga asing ini sering membuang sampah dari tingkat atas bangunan.

"Mereka buang sampah termasuk botol kaca dari tingkat. Ada kes sampah yang dibaling itu nyaris terkena kepala penduduk tempatan," katanya.

Warga asing yang menghuni pangsapuri ini juga katanya suka membuat bising pada waktu malam sehingga mengganggu penduduk yang lain.

"Mereka sering kali membuat pesta di kawasan koridor pangsapuri ini. Isu warga asing ini telah dimaklumkan kepada Jabatan Imigresen dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya untuk tindakan lanjut. Kami berharap pihak berkuasa melakukan rondaan dengan lebih kerap," katanya.



Kedai yang didakwa dimononopoli warga asing dari pelbagai negara.



Sampah dibuang merata-rata dipercayai oleh warga asing yang menghuni di sini.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**14 JULAI 2018 (SABTU)** | |
|---|---|
| Akhbar | Chinapress |
| Tajuk Berita | Aliran bawah tanah disyaki menjejaskan tanah |
| Muka Surat | C3 |





大城事

·地點：雙溪龍武吉柏邁花園·

■武吉柏迈2路一支国能街灯柱，因地陷出现倾斜。

■市议会为居民维修沟渠和车房后，屋前又破一个洞。

# 地陷 溝渠崩塌燈柱也傾斜 疑地下水流影響地質

cp. 14/7/18 M/s C3

報導◆林雁芳

（加影12日讯）双溪龙武吉柏迈花园（Taman Bukit Permai）第2路多处出现地陷，其中一个单位更下陷呈坑洞，情况骇人。

武吉柏迈2路有10多家住家，同一条路有一排已废置多年的空屋，据了解该房屋未竣工发展商便收盘，之后也无人接手。

据悉，当地其中一间住家车房，在今年5月1日突然崩陷，当时屋子前面的沟渠也崩塌，居民以为是沟渠崩塌，沟水冲蚀土地才导致车房崩陷。

公正党加影州议员许来贤在5月15日，与前市议员刘佳达及李仁英到场了解情况后，要求市议会一周内维修沟渠与崩陷的车房。

## 形成大坑洞

不料工程完工后，居民屋前靠近水表的地方又破了个洞。

记者周四到当地了解情况时，发现除了上述屋子早前出现地陷问题，该路其他地方也出现地陷情况。

靠近当地废置房屋的一间角头间住家旁，一个地下沟周遭土地严重下陷，形成一个大坑洞。

同一条路的另一边，也有一间屋子前面发生地陷，导致屋子前面的国能街灯柱也开始倾斜。

对此，居民怀疑地下有水流，以致影响住宅区地质。

## 市會尋求地質專家檢查

前加影市议员刘佳达周四与居民见面后向记者指出，市议会将寻求州政府或工程局的地质专家协助，为当地地质进行全面检查。

他说，当地废置房屋旁边的地陷情况，相信是受到废置房屋后面一块空地的水冲蚀所致。

“我们巡视当地时，发现有居民在家煮粽子，把煮粽子的热水长期倒入沟渠，导致沟渠崩坏。”